



SELERA SANTAI

06 NOV, 2021

Video| Bukit Berot, tarikan baharu Jenderam Hilir! Tumpuan pengunjung luar setiap hujung minggu



[@khadijah mohamad nor](#)

Pernah berkhidmat sebagai Wartawan Eksekutif di akhbar Kosmo! selama hampir 14 tahun. Berpengalaman dalam penulisan rencana, sukan, berita dan luar negara. Graduan Universiti Teknologi Mara dalam bidang Seni Lukis dan Seni Reka Tesktil.

Share this






KEHADIRAN deretan buah kenderaan diletakkan di sebuah lokasi berhampiran Kampung Jenderam Hilir pada setiap hujung minggu menyebabkan penulis sedikit hairan dan cetuskan tanda tanya dalam diri.

Namun, setelah diselidiki barulah diketahui bahawa mereka merupakan pengunjung luar yang datang untuk menjalani aktiviti mendaki atau hiking di sebuah bukit dikenali sebagai Bukit Berot.

Meskipun lebih lima tahun penulis menjadi penduduk di Jenderam Hilir terletak dalam mukim Dengkil, daerah Sepang, penulis langsung tidak tahu mengenai Bukit Berot yang menjadi daya tarikan di Jenderam Hilir.

“

[Lagi cerita-cerita menarik berkaitan Jenderam Hilir](#)



Aktiviti hiking di Bukit Berot boleh dilakukan bersama keluarga dan anak-anak.

Sebaik mengetahui perkara itu, suami dan anak-anak penulis tidak melepaskan peluang untuk mendaki Bukit Berot andai ada kelapangan masa.

"Best umi. Ada sungai atas bukit tu. Airnya sejuk," ujar anak bongsu penulis.

Kini, hampir setiap minggu suami secara solo atau bersama rakan sepejabatnya akan mendaki bukit tersebut sebagai salah satu aktiviti riadah yang menyihatkan tubuh badan.

Apa yang pasti, antara tarikan pengunjung sudah tentu kenangan merakam gambar ikonik di bawah pencawang elektrik yang terdapat di puncak Bukit Berot.



Seorang pendaki, Mustapa Lakawa berkata, terdapat beberapa laluan untuk sampai ke puncak Bukit Berot yang mempunyai jarak antara lima hingga 12 kilometer naik dan turun.

“Ada jalan yang mudah, sederhana dan agak sukar. Ada jalan A, B dan C tetapi A paling mencabar. Semuanya ada cabaran serta keseronokan tersendiri apatah lagi apabila dapat bergambar di bawah pencawang elektrik yang mewujudkan aura luar biasa.

“Maklumlah, tidak banyak bukit yang terdapat pencawang elektrik di atasnya, biasanya kita lihat cuma pemandangan dan mungkin ada batu besar untuk bergambar. Kalau nasib baik, kita dapat saksikan awan karpet serta cuaca sejuk seperti di Kundasang, Sabah.

“Tetapi di Bukit Berot terdapat pencawang dan juga tugu logam berbentuk segi tiga yang menjadi elemen penambah seri dalam aspek fotografi,” kata Mustapa yang merupakan peminat hiking tegar.

Beliau yang pernah mendaki gunung tertinggi di Asia Tenggara, Gunung Kinabalu sebanyak lima kali mengakui, lokasi itu sesuai untuk dijadikan rutin hiking saban minggu.






Mustapa mengakui teruja mengikuti aktiviti hiking di Bukit Berot sebagai latihan stamina untuk pendakian ke puncak Kinabalu pada bulan Disember nanti.

Sementara itu, seorang lagi pengunjung, Tengku Suzana Raja Hamat berkongsi, pengalaman mendaki Bukit Berot sangat mengujakan.

“Setakat ini saya sudah cuba dua laluan dan setiap laluan mengambil masa yang berbeza. Tetapi pada akhirnya kita tetap akan sampai ke puncak dan berpeluang merakam gambar yang menarik di bawah pencawang elektrik,” ujarnya.

Bagi Muhammad Firdaus Hassan pula, bentuk muka bumi Bukit Berot yang menaik, landai dan menurun membuatkan ia menjadi satu kawasan yang wajib dicuba oleh penggemar sukan mendaki.

“Saya sering daki bersama rakan-rakan kerana dapat juga teman dan berbual sambil berjalan. Rancak berbual sehinggakan kita tak sedar dan tahu-tahu sudah sampai,” katanya.



Pencawang elektrik terdapat di sepanjang bukit ini menjadi tarikan tersendiri untuk para pendaki.

Jika diimbau sejarah, Kampung Jenderam Hilir sebenarnya merupakan bukti penempatan terawal manusia di negara ini dan di Asia Tenggara pada Zaman Neolitik atau dikenali sebagai Zaman Batu Baru.

Menurut satu artikel yang disiarkan oleh akhbar Harian Metro, tapak penempatan terawal itu terletak di kawasan perlombongan bijih timah di selatan Sungai Langat, kira-kira enam kilometer dari pekan Dengkil.

Kawasan berkenaan menjadi lokasi penemuan artifak purba yang dianggarkan berusia 4,500 tahun lalu (wujud sejak 2,500 Sebelum Masihi).




Muhammad Firdaus (tengah) seronok mendaki bersama rakan sepejabat sebagai salah satu aktiviti yang sihat pada setiap hujung minggu.

Dalam pada itu, penduduk tetap di kampung tersebut yang mahu dikenali sebagai Khairul memberitahu, kawasan bukit itu juga merupakan lokasi aktiviti sukan bermotor (cub cross).

"Ada segelintir penduduk di sini aktif melakukan aktiviti cub cross bersama komuniti setempat. Namun, ada dalam kalangan orang kampung mengatakan pernah terserempak dengan harimau kumbang di sekitar lokasi tersebut.

"Biasalah, binatang pun makhluk Tuhan juga dan itu hutan memang habitatnya. Setakat ini belum pernah lagi berlaku kejadian yang tak diinginkan. Moga dijauhkan, Insya-Allah," ungkapnya.





Terdapat juga anak sungai yang sejuk airnya di atas bukit ini untuk para pendaki melepaskan penat. - Kredit Foto FB Anna Kay

Melihat koleksi gambar yang ada, teruja pula untuk mencuba. Moga, satu hari nanti ada rezeki penulis mampu mendaki sampai ke puncak dan bergambar di bawah pencawang elektrik yang disebut-sebut. - KitaReporters



Mustapa bersama dua rakannya merakam gambar di bawah pencawang elektrik yang terdapat di atas bukit ini sekali gus menjadi momen istimewa buat para pendaki.



Tags:


- #Selangor
- #santai
- #sungai
- #destinasi
- #sukan mendaki
- #hutan
- #mendaki
- #Dengkil
- #pendakian
- #hiking
- #aktiviti mendaki
- #bukit
- #Kundasang
- #destinasi menarik
- #ikonik
- #aktiviti riadah
- #pencawang
- #daya tarikan
- #Jenderam Hilir
- #beriadah
- #sukan bermotor
- #pewai
- #Bukit Berot
- #guide
- #trek hiking
- #Kampung Jenderam Hilir
- #Mustapa Lakawa
- #pencawang elektrik
- #tugu
- #tugu logam
- #Tengku Suzana Raja Hamat
- #Muhammad Firdaus Hassan
- #aktiviti bermotor



15



17



0



20



0

You will be interested

Lynda Chew tak kenal kegagalan! Kini usahawan daging salai berjaya! Ingin bantu koperasi, wanita

Norhayati Maslinda Chew @ Lynda Chew dari Sabah, seorang usahawan wanita yang gigih dalam ceburi bidang perniagaan biarpun berpuluh-puluh kali usahanya gagal

Mohammad Ishak in [Selera Santai](#)

1 month ago



Jom sokong produk orang kampung! Ayam pencen salai Pekan Ayer Panas! Menu istimewa bulan Ramadan!

Jualan ayam salai Samsudin Osman di Pekan Ayer Panas, Labis naik kepada 3,500-4,000 ekor sebulan pada bulan puasa dan musim cuti sekolah sebab ada majlis kahwin

Mohamed Sa'ari in [Selera Santai](#)

3 days ago



Jom pakat mari Terengganu! 200,000 pengunjung dijangka hadir! Karnival Beautiful Terengganu 2022!

Seramai 200,000 pengunjung dijangka ke Karnival Beautiful Terengganu 2022 selama tiga hari di Pulau Poh, Tasik Kenyir, Hulu Terengganu bermula pada 17 Mac 2022

Mohammad Ishak in [Selera Santai](#)

2 weeks ago



Tahu tak bisnes di sebalik Susu Kambing Faa-iz? Tambah sumber dana Kompleks Islam Darul Faizin!

Kompleks Islam Darul Faizin (KIDaF) melalui Al-Faizin Marketing (AFM) melancarkan tiga perisa terbaharu Susu Kambing Faa-iz iaitu coklat, vanila dan strawberi

Rahana MD in [Selera Santai](#)

1 month ago



Suka berkayak? Jom telusuri terowong belah bukit batu kapur! Berusia 500 juta di Kuala Perlis!

Menelusuri terowong banjir membelah bukit batu kapur dengan berkayak di Kuala Perlis yang berusia 500 juta tahun menjanjikan pengalaman yang amat menyeronokkan

Nur Sabrina Samsudin in [Selera Santai](#)

1 month ago

KitaReporters, cerita komuniti daripada reporter berpengalaman, adalah portal warna-warna kehidupan meliputi Kisah Insan, Gaya Hidup, Selera Santai, Alam Canggih, Menara Gading, Kartun Komik di dalam dan luar negara. Boleh emel ke editor@kitareporters.com

Version: **2.0.0**

[Alam Canggih](#) [Selera Santai](#) [Kisah Insan](#) [Gaya Hidup](#) [Menara Gading](#) [Kartun Komik](#) [Keluarga Malaysia](#)